

MELAHIRKAN GENERASI AL-QURAN MELALUI KURIKULUM PENDIDIKAN INTEGRASI DAN HOLISTIK JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR(JAIS)

Zetty Nurzuliana Rashed¹, Ab. Halim Tamuri²

zetty@kuis.edu.my¹, tamuri@kuis.edu.my²

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang generasi Al-Quran yang secara umumnya merupakan generasi yang faham agama dan tidak tenggelam dalam arus kemewahan dan kebendaan. Generasi ini dibimbing oleh al-Quran dan dididik dengan nilai kemuliaan dan budi pekerti yang luhur yang terkandung dalam ajaran Islam. Generasi ini adalah diharap sebagai pembina tamadun yang mampu menghayati kerohanian Islam secara dinamik dan positif. Generasi ini juga akan menguruskan perubahan yang berlaku dalam masyarakat kita berasaskan kepada pembangunan insan dan roh Islam. Ia bersesuaian dengan tujuan utama pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan soleh. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan analisis dokumen dengan menilai dan menganalisis perbincangan di dalam kandungan teks dan diterjemahkan dalam bentuk pendekatan naratif. Kajian ini mendapati generasi al-Quran yang dibangunkan melalui model Kurikulum Pendidikan Integrasi dan Holistik (JAIS) merupakan generasi yang menampilkan keunikan dan keperibadian muslim sejati dari segi fizikal, mental, spiritual dan akhlaknya dalam acuan pendidikan integrasi yang berasaskan kepada tauhid dan keimanan kepada Allah S.W.T yang memenuhi sifat-sifat uluhiyyah dan rububiyyah.

Kata Kunci: Generasi al-Quran, pendidikan integrasi

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran memberikan petunjuk dalam persoalan-persoalan akidah, syariah, dan akhlak, dengan jalan meletakkan dasar-dasar prinsip mengenai persoalan-persoalan tersebut; dan Allah S.W.T mengamanahkan Rasulullah s.a.w untuk memberikan keterangan yang lengkap mengenai dasar-dasar itu, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“(Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan Kami turunkan pula kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.” (al-Nahl: 44)

Al-Quran dijadikan sebagai asas bagi membina pemikiran dan minda untuk menjayakan kehidupan dunia dan akhirat demi untuk membentuk masyarakat yang maju bagi membentuk generasi al-Quran. Generasi yang dibentuk dengan acuan al-Quran adalah generasi yang berjaya membentuk dan menanam unsur-unsur takut kepada Allah, membina jiwa berani, merdeka dan bebas. Generasi ini matang dalam memberikan buah fikiran dan membuat keputusan, sentiasa melahirkan idea-idea yang bernas dan membina.

Pemikiran yang bersifat menyeluruh akan membentuk minda yang sempurna dan bijaksana di samping memantapkan keimanan. Minda yang positif bersikap tidak putus asa terhadap rahmat Allah, tidak sombong dan tidak lupa diri apabila diberi kejayaan, kerana menyakini itu adalah dari Allah. Inilah minda quranik. Minda yang mempengaruhi pembentukkan akhlak yang tinggi, melahirkan semangat pengorbanan dan tidak pentingkan diri sendiri. Dalam kertas kerja yang ringkas ini penulis ingin mengupas dan membincangkan beberapa aspek penting dalam melahirkan generasi al-Quran melalui sistem pendidikan integrasi.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepeustakaan dan analisis dokumen yang menilai dan menganalisis dan perbincangan kandungan teks dan menterjemahkan dalam bentuk pendekatan naratif. Ia juga merupakan sebuah penulisan yang bertujuan untuk mengulas isi ilmu termasuklah penemuan kajian secara teori dan kaedah sumbangan mengenai sesuatu topik perbincangan.

3.0 CIRI-CIRI GENERASI AL-QURAN

Generasi Al-Quran secara umumnya merupakan generasi yang faham agama dan tidak tenggelam dalam arus kemewahan dan kebendaan. Generasi ini dibimbing oleh al-Quran dan dididik dengan nilai kemuliaan dan budi pekerti yang luhur yang terkandung dalam ajaran Islam. Menurut Sabri (2009) generasi ini dibina melalui didikan dan tarbiyah yang mengetengahkan konsep lima “M” iaitu:

1. membaca Al-Quran pada setiap masa pada waktu pagi, petang, siang ataupun malam.
2. menghafaz al-Quran bagi membina kekuatan minda dan membentuk benteng ketahanan rohani yang tinggi serta terpancar nur cahaya Ilahi di dalam diri seseorang penghafaz al-Quran.
3. memahami dan menguasai al-Quran dengan sebaik mungkin untuk dijadikan sumber rujukan dan pedoman utama segenap bidang kehidupan.
4. menghayati idea-idea dan pengajaran baik yang terkandung dalam al-Quran.
5. mempelajari keindahan dan ketinggian *kalamullah* yang tiada tolok bandingnya di dalam al-Quran.

Generasi ini adalah diharap sebagai pembina tamadun yang mampu menghayati kerohanian Islam secara dinamik dan positif. Generasi ini akan menguruskan perubahan yang berlaku dalam masyarakat kita berasaskan kepada pembangunan insan dan roh Islam. Ia bersesuaian dengan tujuan utama pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan soleh. Menurut Hasan Langgulung (1991) yang dimaksudkan dengan insan soleh adalah manusia yang mendekati kesempurnaan yakni manusia yang penuh keimanan, taqwa, memelihara hubungannya dengan Allah, memelihara segala bentuk tingkah lakunya, fikirannya dan segala rentak kehidupannya. Firman Allah dalam surah 51:36 yang bermaksud:

“tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia kecuali mereka mengabdikan diri kepadaKu”.

Justeru itu generasi al-Quran yang dilahirkan adalah generasi yang dekat dengan Allah, mengamalkan segala perintah dan menjauhi segala larangannya. Generasi ini diharapkan menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan, panduan dan pelita yang menyuluh jalan kehidupan. Di samping itu kajian Habib (2011) menyatakan generasi al-Quran juga merupakan

generasi yang menampilkan keunikan dan keperibadian muslim sejati dari segi fizikal, mental, spiritual dan akhlaknya. Peribadi yang dibangunkan adalah berasaskan kepada tauhid dan keimanan kepada Allah S.W.T yang memenuhi sifat-sifat uluhiyyah dan rububiyah.

Mereka juga terbentuk melalui asuhan kejiwaan dengan al-Quran yang mendidik hati, melaksanakan segala kewajipan yang ditentukan oleh Allah dan lahiriah individu yang tinggi nilai keinsanan dan seterusnya lahiriah jiwa-jiwa merdeka dari penjajahan nafsu syaitan yang sentiasa berusaha menjerumuskan manusia ke lembah kehinaan. Generasi al-Quran yang terdidik di zaman Rasulullah ternyata telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh yang unggul dan contoh teladan sepanjang zaman seperti Ali bin Abi Talib, 'Aisyah, Ibnu Abbas, Umar Al-Khatab, Zaid bin Thabit dan lain-lain.

4.0 SISTEM PENDIDIKAN INTEGRASI MELAHIRKAN GENERASI AL-QURAN

Pendidikan merupakan suatu perkara yang amat penting dan mencabar dalam kehidupan manusia. Manusia tidak akan mengenal huruf, tidak mampu membaca dengan baik dan tidak mungkin mempunyai pengetahuan samada secara formal ataupun informal tanpa pendidikan yang baik. Tuntutan supaya menuntut ilmu ini ternyata mempunyai nilai yang amat tinggi bilamana ayat Al-Quran yang mula-mula sekali diturunkan kepada Rasulullah SAW adalah berkenaan kepentingan menuntut ilmu. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.” [Al-‘Alaq: 1-5]

Permasalahannya ialah apabila tamadun manusia berkembang, tradisi keilmuan itu mula terpisah dua yang mengasingkan konsep ilmu duniawi dengan ukhrawi. Inilah yang dikatakan dualisma dalam sistem pendidikan. Sistem dualisma dalam pendidikan boleh dikatakan digunapakai oleh hampir kesemua negara umat Islam. Natiujahnya, wujudnya dua generasi yang saling bertentangan dalam membangunkan masyarakat. Untuk melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai keseimbangan di antara duniawi dan ukhrawi, iaitu satu generasi yang cintakan al-Quran, maka usaha-usaha perlu dilakukan untuk menjadikan sistem dualisma ini bergabung menjadi satu (integrasi). Gabungan ilmu wahyu dan ilmu aqal dalam satu sistem pendidikan akan

melahirkan individu yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelek yang bersesuaian dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Sistem pendidikan dualisma ini menghasilkan suatu kesan yang negatif bagi umat Islam. Sistem pendidikan yang ada sekarang gagal memperlihatkan ciri integrasi (kesepaduan) dengan Islam. Saat ini bidang ilmu seperti matematik, sains dan lainnya seolah-olah terpisah dan tiada hubungan kait dengan agama atau kepada keagungan pencipta alam ini iaitu Allah SWT. Manakala ilmu-ilmu berkaitan agama langsung tidak mengaitkan hasil-hasil penemuan sains itu sebagai satu bukti keagungan Allah S.W.T demi mengukuhkan lagi keimanan. Justeru itu, seharusnya para ustaz mampu mengajar tauhid yang ada nilai sains dan guru sains pula boleh mengajar sains dengan digandingkan dengan nilai-nilai tauhid. Inilah kaedah pendidikan yang terbaik untuk melahirkan pelajar yang jiwanya dekat dengan Pencipta. Namun begitu, tidak seperti sekarang, apabila matapelajaran agama “kering” daripada nilai-nilai aqli dan subjek sains dibiarkan “bebas” daripada nilai-nilai naqli. Inilah cabaran utama dalam sistem pendidikan sekarang untuk membentuk generasi yang akan datang yang seimbang dari aspek ilmu wahyu dan ilmu aqal.

Model kurikulum dan pembelajaran bersepadu yang dapat menggabungkan kedua-dua cabang ilmu ini merupakan satu pendekatan yang perlu diambil untuk menyelesaikan isu dualisma dalam pendidikan. Ia merujuk kepada pendekatan pendidikan yang komprehensif, seimbang, dinamik, relevan dan kontemporari sebagai pendekatan yang terbaik. Ini penting untuk melahirkan generasi yang mampu melaksanakan peranan sebagai pemimpin dan berupaya berhadapan dengan cabaran-cabaran yang mendatang. Pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah disamping adanya integrasi disiplin-disiplin ilmu akal ke arah membina komuniti ummah dengan berteraskan akidah.

5.0 PENDEKATAN KURIKULUM INTEGRASI MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI NEGERI SELANGOR

Terdapat pelbagai definisi mengenainya dan perkaitan dengan pendidikan. Menurut Hasan Langgulung (2003), definisi kurikulum dapat dilihat menerusi empat aspek utama iaitu:

- i. Matlamat yang ingin dicapai menerusi pendidikan
- ii. Segala ilmu pengetahuan, maklumat, data, program dan pengalaman yang membentuk kurikulum
- iii. Metodologi dan kaedah mengajar yang dilaksanakan oleh guru untuk mengajar & menarik minat pelajar untuk belajar
- iv. Metodologi dan kaedah penilaian yang dilaksanakan dalam mengukur dan menilai kurikulum dan hasil kepada proses pendidikan yang dirancang


Selain itu, kurikulum didefinisikan sebagai satu budaya dan ilmu pengetahuan untuk membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada kumpulan murid yang tertentu (Mohd Daud 1995). Justeru dalam konteks ini, berpandukan kepada definisi kurikulum yang dinyatakan, kurikulum adalah matlamat pendidikan yang meliputi segenap aspek ilmu pengetahuan, peranan guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan membudayakan ilmu pengetahuan, dan juga bagaimana kaedah dan metodologi dalam mengukur dan menilai sesuatu kurikulum yang digubal.

Dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia, kurikulum merupakan proses merencana, menyepadukan, mentafsir maksud, matlamat dan objektif kurikulum. Ia juga berkaitan dengan menterjemah isi kandungan pelajaran dan melaksanakannya dalam bentuk pelajaran sesuatu disiplin ilmu. Menurut Abdul Fatah (2003), kurikulum kebangsaan ialah suatu program pendidikan meliputi semua aspek kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan dan kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan yang dapat membantu perkembangan individu menjadi insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan mempertingkatkan nilai moral dan akhlak. Para pendidik dilihat lebih sebagai agen pelaksana kurikulum dan seterusnya mampu merealisasikan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Melihat kepada huraian definisi kurikulum yang telah diterangkan, ternyata kurikulum ini adalah sebahagian daripada pendidikan. Tanpa kurikulum maka akan pincang proses pendidikan.

Lanjutan itu, apabila kurikulum dalam pendidikan digubal dengan mantap dan berkesan, sudah pasti hasilnya akan dilihat dalam pembentukan masyarakat.

Justeru itu bersesuaian dengan moto maahad Tahfiz Integrasi negeri Selangor iaitu menjana generasi al-Quran yang bermatlamatkan melahirkan generasi al-Quran yang amanah dan komited terhadap hafazan al-Quran serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Satu kerangka kurikulum yang khusus di aplikasikan dalam struktur pengajaran dan pembelajaran di Maahad tersebut. Model kurikulum integrasi adalah seperti dalam rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Model kurikulum Integrasi

Sumber dari Unit Kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) 2012.

Melalui model Kurikulum Integrasi ini, dalam kurikulum tahfiz sistem pembelajaran dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama sukatan al-Quran dan Hafazan, kedua sukatan tajwid dan Qiraat, dan ketiga sukatan ulum Al-Quran yang mengandungi subjek *ulum al-Quran*, *Qiraat al-Asyara*, *Al-Fawasil*, *Resm Al-Uthmani* dan *Tarikh Al-Mashaf*. Manakala dalam Kurikulum KBSM ia menggunakan kurikulum yang sama digunakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan sekolah Menengah Agama Kebangsaan (SMKA). Seterusnya melalui kurikulum Pendidikan Islam JAIS atau sukatan al-Azhari, kurikulum yang digunakan meliputi matapelajaran *Nahu* dan *Sorof*, *Insyak* atau *Mutalaah* atau *Balaghah*, *Tafsir*, *Hadis*, *Feqah*, *Tauhid*, *al-Quran* serta *Sirah*.

Berdasarkan kurikulum ini para pelajar akan mengikuti kurikulum tahfiz bagi memenuhi tujuan utama kurikulum integrasi di sekolah ini. Sukatan kurikulum tahfiz ini bermula dari tingkatan

satu hingga tingkatan lima. Berikut adalah jadual kurikulum tahfiz bagi sukatan al-Quran dan Hafazan.

Tingkatan	Hafazan
1	7 Juzuk (Juzuk 30, 29, 28, 27, 26, 1 dan 2) & Surah Yasin & Surah As-Sajdah
2	8 Juzuk (Juzuk 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10)
3	7 juzuk (juzuk 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 17) + PMR
4	8 Juzuk (Juzuk 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24 dan 25) + SMA
5	Mengulangkaji hafazan juzuk 1 hingga 30 (+ SPM + STQ)
Nota:	<p>Murid menghafaz berdasarkan kemampuan</p> <p>Petunjuk:</p> <p>PMR:Penilaian Menengah Rendah</p> <p>SPM:Sijil Pelajaran Malaysia</p> <p>STQ:Sijil Tinggi al-Quran</p> <p>SMA:Sijil Menengah Agama</p>

Jadual 1:Sukatan Al-Quran dan Hafazan Kurikulum Tahfiz

Sumber dari Unit Kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) 2012.

Melalui model kurikulum integrasi dan holistik yang diamalkan di maahad tahfiz aliran sains ini ia adalah satu model kurikulum yang diharapkan mampu membentuk generasi al-Quran yang mempunyai ciri-ciri lima “M” yang dinyatakan oleh Mohd Sabri (2009).

6.0 KESIMPULAN

Pendidikan integrasi ini amat perlu dilakukan bagi menyelamatkan umat Islam dan umat manusia dari masalah jenayah kepada pembangunan ilmu dan proses didik baik dalam keluarga mahupun dalam masyarakat. Dalam usaha ini proses integrasi ini sewajarnya dilakukan secara serius, terancang dan bijaksana. Sudah sampai masanya setiap tubuh ilmu atau disiplin ilmu mesti didasari oleh sistem nilai yang mana nilai akidah, ibadah, akhlak dan syariah umpamanya harus

menjadi faktor utama dalam pembentukan akhlak pelajar. Asas ini amat penting supaya kurikulum yang dibina bersifat integratif. Ilmu yang integratif dan pendidikan yang membangunkan potensi dan bakat insan bakal melahirkan peribadi holistik atau modal insan yang berkualiti supaya kemajuan umat Islam dan manusia terbina atas asas kepentingan fikir, zikir, kemahiran dan nilai. Generasi ini menjadikan al-Quran sebagai satu-satunya sumber rujukan utama kerana mereka sangat yakin kepada al-Quran. Mereka sangat yakin al-Quran akan dapat menyelesaikan segala permasalahan dan krisis yang mereka hadapi. Ciri-ciri inilah yang telah menjadikan mereka sebagai generasi utama sepanjang masa.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 1980. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran. Kuala Lumpur. Yayasan Islam Terengganu Sdn.Bhd.
- Abdul Fatah Hassan. 2003. *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Habib.2011. Menjana Generasi Al-Quran:Sejauhmana Kesediaan Guru dalam pelaksanaan Pengajaran dan pembelajaran.*Prosiding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education* 2011.
- Hasan Langgulung. 1991. *Asas – Asas Pendidikan Islam*. Edisi Kelima. Jakarta: Pustaka Al Husna Baru.
- Mohd Daud Hamzah. 1993. *Liputan Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sabri.2009.Generasi Ulul Albab: Segunung harapan, Seteguh Gagasan. Shah Alam:Penerbit Buku Karisma.
- Unit Kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) 2012.